



Headline	Kru sokongan gigih bertugas		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	08 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	3	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,900
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,700

Kru sokongan gigih bertugas

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z9010319176&z=1650248895](http://c.moreover.com/click/here.pl?z9010319176&z=1650248895)



Headline	Kru sokongan gigih bertugas		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	08 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	3	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,900
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,700

SETIAP pasukan bola sepak ada pemain simpanannya bagi mempersiapkan pasukan jika ada pemain yang keluar padang. Namun dalam hal ini, bukan soal pemain simpanan yang mahu diceritakan, sebaliknya peranan penting kru sokongan projek Everest-Felda 2013 anjuran Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia (KE7B). Sebanyak 10 kru sokongan termasuk pengurus kumpulan, Mokhtarrudin Ismail turut terlibat menjayakan projek tersebut. Dari aspek persediaan peralatan mendaki, perkhemahan, makan, minum, kerohanian, perubatan, kebajikan, penginapan, pengangkutan dan lain-lain, kesemuanya berjalan lancar dengan khidmat mereka. Masing-masing bekerja mengikut tugas yang diberi dengan penuh tanggungjawab. Haziq digelar 'pemecah ais' Hanya di bukit itu yang berjarak kira-kira satu jam pendakian dari Kem Induk Everest (EBC) mempunyai talian Internet. "Saya akan berjalan di hadapan untuk memastikan laluan yang ditempuh selamat dilalui. "Ini kerana ada beberapa kawasan yang kelihatan diliputi ais tebal, sebaliknya adalah ais nipis yang di bawahnya air mengalir. Mereka yang memijaknya akan jatuh terjerlus ke dalam air yang sejuk," katanya. Pelajar Universiti Kuala Lumpur (MICET), kampus Alor Gajah, Melaka itu berkata, dia mengambil cuti selama satu semester bagi menjayakan projek ini. Mengulas pengalaman yang tidak dilupakan, katanya, empat jari jemarinya mengalami frostbite ketika menjalani latihan di Gunung Lobuche Timur pada Februari lalu. "Empat jari saya terkena frostbite tetapi hanya dua jari dapat diselamatkan," katanya yang reda dengan ketentuan Ilahi. Disebabkan itu juga, nama beliau sebagai pendaki utama terpaksa digugurkan dan diletakkan sebagai kru sokongan. 24 jam kawal komunikasi Dia yang berpengalaman selama 17 tahun dalam aktiviti mendaki gunung-gunung Khatulistiwa, gunung-gunung volcano dan gunung-gunung bersalji berkata, sejak terlibat dalam projek ini pada Oktober tahun, Afif mengakui banyak pengorbanan yang dilakukan demi menjayakan projek tersebut. "Saya mengambil cuti selama dua bulan lima hari tanpa gaji," ujarnya. Mengulas cabaran berada di ketinggian 5,363 meter (17,578 kaki) yang menempatkan perkampungan Everest-Felda 2013, katanya, agak mencabar untuk menyesuaikan diri di altitud tinggi kerana sebelumnya, kita berada di ketinggian sekitar 850 meter dari paras laut. "Jadi, apabila berada di ketinggian melebihi 5,000 meter, tentulah badan kita mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berbeza," katanya yang bertugas menjaga komunikasi di EBC. Batuk Khumbu jejas pendaki Dengan latar belakang dalam bidang perubatan dan buku panduan perubatan yang dibawanya, katanya, setiap masalah kesihatan melibatkan pendaki dan kru sokongan dapat ditangani dengan baik. Kelayakan dalam bidang perubatannya bersandarkan kepada sijil Farmasi dari Kolej Masterskill di bawah tajaan UKM, sijil Pertolongan Cemas dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) dari National Associated Underwater Instructions (NAVI), sijil mengurut untuk sukan (sport massage) dari Majlis Sukan Negara dan sijil Sains Sukan dari UKM. "Saya bawa lebih 100 jenis ubat yang ditaja oleh PPUKM dan terima kasih kepada Pengurus Farmasi PPUKM, Faridah Md Yusof kerana meluluskan cuti saya bagi projek ini," katanya. Mengulas kes yang dirujuk kepadanya, Muhamad Aliff berkata, kebanyakan penyakit yang menyerang pendaki adalah berkaitan altitud tinggi. Antara penyakit itu katanya, adalah batuk Khumbu, hipotermia, sukar bernafas, Acute Mountain Sickness (AMS), HACE (high-altitude cerebral edema atau kekurangan oksigen menyebabkan otak membengkak) dan HAPE (high- altitude pulmonary edema atau paru-paru dipenuhi cecair). "Paling banyak menyerang pendaki adalah batuk Khumbu yang berpunca daripada terlalu lama terdedah pada udara sejuk yang melampau. "Bila sedut udara sejuk, paru-paru tak dapat terima sebab suhu badan panas," katanya yang berhasrat untuk menjadi rakyat Malaysia pertama menjalankan kerja-kerja sukarela di Himalayan Rescue Association (HRA). "Untuk tujuan itu, saya perlu ada Diploma In Mountain Medicine. Saya harap dapat mengikuti kursus ini satu hari nanti," katanya.